

## Isu-Isu Syariah berkaitan *Buy Now Pay Later* (BNPL) dan E-Wallet

Munawwaruzzaman Mahmud<sup>1</sup>  
Muhammad Aqil Syafiq Jamaludin<sup>2</sup>

### Abstrak

Syariat Islam tidak menghalang sebarang bentuk kemajuan teknologi selagi mana kemajuan tersebut patuh Syariah, menyumbang *maslahah* (kebaikan) dan *taysir* (kemudahan) kepada urusan manusia serta *raf'u al-dharar* (mengelak kemudaratan) kepada pengguna. Dalam sektor kewangan, terdapat pelbagai perkhidmatan berasaskan teknologi yang bertujuan memberi penambahbaikan kepada urusan kewangan pengguna, antaranya seperti BNPL dan e-wallet. BNPL dan e-wallet dilihat sebagai perkhidmatan yang berkembang pesat dan semakin diterima pengguna berikutan kesan baik yang dinikmati oleh pengguna. Kertas kajian ini akan cuba mengkaji isu-isu Syariah berkaitan BNPL dan e-wallet dari sudut akad Syariah yang bersesuaian dan *ma'ālāt* (kesan atau implikasi) sama ada dari sudut hukum serta perkara-perkara lain yang berkaitan. Hasil dari kajian ini diharapkan dapat memberi penambahbaikan kepada industri dan juga dijadikan rujukan Syariah dalam kedua-dua isu ini pada masa hadapan.

---

<sup>1</sup>Ketua Pengurusan Syariah, Maybank Islamic Berhad. Beliau boleh dihubungi: [munawwarzm.m@maybank.com](mailto:munawwarzm.m@maybank.com) .

<sup>2</sup>Penyelidik Syariah di Maybank Islamic Berhad. Penulis boleh dihubungi: [aqil.jamaludin@maybank.com](mailto:aqil.jamaludin@maybank.com) .

## Pendahuluan

Perkhidmatan BNPL mula dipopularkan oleh Klarna, sebuah syarikat daripada Sweden pada tahun 2014 (Klarna, 2017) dan Zip Pay yang berpangkalan di Australia pada tahun 2013 (Zip Pay, n.d.). Manakala perkhidmatan e-wallet mula dipopularkan oleh Samsung Pay pada tahun 2017 (Oppotus, 2020) dan semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna di Malaysia dan global. Sehingga kini, terdapat lebih dari 50 pengendali e-wallet dalam pasaran Malaysia baik pengendali dalam kalangan bank ataupun institusi bukan perbankan (BNM, n.d.).

Perkembangan pesat kedua perkhidmatan ini membawa kepada keperluan perkhidmatan patuh Syariah kepada pengguna. Sehingga ke hari ini, jumlah perkhidmatan BNPL dan e-wallet patuh Syariah masih berada pada kadar minima; pengendali perkhidmatan yang tidak patuh Syariah masih menguasai pasaran. Bagi pengendali perkhidmatan patuh Syariah, beberapa penyelesaian diperlukan seperti *takyif fiqhī* (pengenalan akad Syariah yang bersesuaian) terhadap perkhidmatan BNPL dan e-wallet, juga akad-akad Syariah yang sesuai dan berfungsi menjaga hubungan antara pengendali BNPL dan e-wallet, pengguna, dan peniaga (*merchant*), serta isu-isu Syariah yang berlaku sepanjang dari pengenalan kedua perkhidmatan ini.

## Sudut Pandang Islam terhadap Teknologi Kewangan

Islam menekankan prinsip *wasatiyyah* iaitu bersikap neutral terhadap sebarang bentuk teknologi atau perkhidmatan kewangan yang berada di pasaran selagi mana perkhidmatan tersebut membawa *maslahah* dan menolak *dharar* kepada pengguna. Al-Qaradawi (1995) menyatakan bahawa Islam menggalakkan manusia bekerja dan mencari hasil dari dunia yang Allah taala ciptakan, namun pada waktu yang sama Islam menggariskan beberapa prinsip-prinsip utama ketika bermuamalah seperti keharaman riba, *gharar*, unsur penipuan dan sebagainya. Justeru, sebarang perkhidmatan kewangan yang patuh Syariah, membawa unsur kemudahan kepada urusan pengguna, selamat digunakan, perkhidmatan yang cekap dan pantas dinilai sebagai perkhidmatan yang membawa *maslahah* kepada pengguna. Pendapat ini juga disokong oleh Ibn Bayyah (2020) yang menyatakan bahawa kewangan Islam perlu bergerak seiring dengan kemajuan teknologi kewangan supaya *hajah* (keperluan) pengguna dapat dipenuhi dan ini sesuai dengan prinsip-prinsip utama Islam seperti hikmah, *maslahah*, adil, dan rahmah.

Al-Ghazali (2008) menyebut *maslahah* sebagai: “membawa kebaikan dan mengelak *dharar*, dan *maslahah* juga adalah satu usaha memelihara kehendak Syarak melalui penjagaan agama, nyawa, aqal, keturunan, dan harta. Setiap perkara yang menjaga lima (5) unsur ini adalah *maslahah*, dan setiap perkara yang menghilangkan unsur-unsur ini adalah *mafsadah* (keburukan)”. Maka jika sekiranya perkhidmatan kewangan itu patuh Syariah, membawa *taysir* kepada pengguna, selamat digunakan, serta membantu pengguna memiliki keperluan dan kehendak pada kadar yang munasabah, maka hal tersebut boleh dianggap sebagai salah satu daripada penjagaan *mal* (harta) pengguna yang dinilai baik oleh Syariah.

Dalam hal ini, Izzuddin Abd Salam (1991) menyatakan bahawa: “keseluruhan bagi Syariah ini adalah *masalih*; iaitu sama ada dengan membawa kebaikan atau mengelak *dharar*”. Pandangan ini hampir dengan pandangan al-Ghazali dan mengukuhkan lagi konsep bahawa keseluruhan Syariah ini adalah *maslahah* untuk manusia. Beliau kemudiannya menyatakan lagi: “hukum hakam Syarak keseluruhannya diikat dengan hikmah-hikmah yang selari dengan setiap sebab-sebab dan syarat-

syarat yang Allah taala nyatakan". Hubung kait pandangan ini dengan kajian adalah mengembalikan setiap perkhidmatan kewangan dengan akad Syariah yang sesuai adalah sebahagian dari cara mencapai *maslahah* yang Allah taala kehendaki, kerana dengan memastikan setiap akad Syariah ini dilaksanakan dengan proses yang betul pada perkhidmatan tersebut, sudah pasti ada kebaikan yang bakal pengendali perkhidmatan, pengguna, dan pihak lain yang terlibat akan perolehi.

Prinsip *taysir* adalah satu daripada prinsip atau kaedah utama Islam yang dilihat sesuai dalam menilai perkhidmatan kewangan. Allah taala berfirman:

﴿يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ﴾

Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Allah tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran (Al-Quran, 2:185).

Berdasarkan ayat ini, Allah taala menghendaki kemudahan kepada manusia. Penawaran perkhidmatan atau produk kewangan yang mematuhi Syariah, memudahkan urusan manusia, cekap, pantas, dan memenuhi keperluan manusia yang munasabah dilihat bersesuaian dengan prinsip *taysir* yang dianjurkan Islam. Al-Qaradawi (2009) berpendapat bahawa kaedah *taysir* dianggap salah satu kaedah utama dalam *fiqh al-muamalat* dan kaedah ini disokong oleh banyak nas al-Quran, hadis, dan pandangan-pandangan fuqaha'. Beliau menyebutkan konsep *al-takhfif wa al-taysir, la al-tashdid wa al-tas'ir* (keringanan dan kemudahan, dan bukan kekerasan dan kesusahan) sebagai prinsip yang perlu dipertimbangkan dalam perkhidmatan kewangan khususnya kewangan Islam.

### Perkembangan Pasaran BNPL dan E-Wallet

Kedua perkhidmatan ini dilihat berkembang pesat dan semakin diterima pengguna pada peringkat tempatan dan global. Perkembangan BNPL dipengaruhi beberapa faktor seperti pinjaman jangka pendek yang mudah diluluskan oleh pengendali BNPL serta sebahagian pengendali BNPL tidak mengenakan caj faedah (Ley, 2023). Hal ini menarik minat pengguna untuk mendapatkan khidmat BNPL berbanding memohon pinjaman atau pembiayaan jangka pendek dari bank atau perkhidmatan kad kredit. Sebahagian berpendapat bahawa pandemik Covid-19 yang melanda dunia penghujung 2019 merupakan salah satu faktor utama yang mengubah corak pembelian pengguna, dimana pengguna lebih selesa menggunakan *platform* BNPL untuk membeli barang-barang yang mereka perlukan (Tan, 2021).

Mengikut laporan dikeluarkan *Research and Markets* (2023) nilai pasaran global BNPL dianggarkan berada pada USD 105.5 billion pada tahun 2022 dan dijangka meningkat kepada USD 155.79 billion pada tahun 2023. Penerimaan kaedah pembayaran secara dalam talian yang meluas menyumbang kepada peningkatan nilai pasaran BNPL global (Research&Markets, 2023). Di Malaysia, nilai pasaran BNPL dijangka meningkat kepada USD 2.298 billion pada tahun 2023. Faktor peningkatan pasaran di Malaysia dilihat selari dengan peningkat pasaran global BNPL iaitu faktor penerimaan pembayaran dalam talian yang meluas dalam kalangan pengguna.

Bagi e-wallet, menurut laporan dikeluarkan oleh *IMARC* (2022), nilai pasaran global e-wallet berada pada USD 142.2 billion pada tahun 2022. Dan pasaran global e-wallet dijangka terus meningkat kepada USD 387.8 billion pada tahun 2028. Faktor-faktor yang disebutkan menyumbang kepada peningkatan perkhidmatan e-wallet adalah seperti berikut (IMARC, 2022):

- a) Kemajuan teknologi telefon pintar yang membolehkan aplikasi e-wallet dimuat turun dalam telefon pintar;

- b) Penerimaan pembayaran *contactless* (tanpa sentuh) yang semakin diterima pengguna dan peniaga pada peringkat global khususnya sejak kemunculan pandemik Covid-19; dan
- c) Ciri-ciri teknologi keselamatan yang ditawarkan pengendali e-wallet semakin diyakini pengguna.

### Definisi BNPL dan E-Wallet

Menurut Forbes (2023) BNPL adalah satu perkhidmatan pembiayaan/pinjaman jangka pendek yang membolehkan pengguna membuat pembelian dengan membahagikan jumlah pembelian kepada bayaran ansuran bulanan. Pada kebiasaannya perkhidmatan ini mempunyai 0% kadar faedah dan tertakluk kepada caj lewat bayar. Sebagai contoh, seorang pengguna ingin membeli sebuah computer riba pada harga RM3000. Menggunakan perkhidmatan BNPL, pengguna tersebut boleh membayar jumlah pembelian secara ansuran sebanyak RM1000 sebulan selama tiga (3) bulan. Secara umumnya, perkhidmatan BNPL melibatkan peniaga seperti pusat kesihatan dan kecantikan, pakaian, aksesori wanita, dan lain-lain (Investopedia, 2023). Beberapa pengendali BNPL yang berada dipasaran Malaysia adalah seperti Atome, PayLater oleh Grab, Hoolah Pay Later, Pine Labs Pay Later, IOU BNPL, dan lain-lain (IQI, 2022).

Perkhidmatan BNPL mempunyai banyak kelebihan yang secara umumnya membantu pengguna mendapatkan barang yang diperlukan pada situasi yang mana pengguna tersebut mengalami masalah *cashflow* (aliran tunai) yang berkurangan. Secara ringkasnya disimpulkan kelebihan dan kekurangan BNPL seperti jadual berikut:

Kelebihan	Kekurangan
Kelulusan lebih mudah	Kemungkinan untuk berbelanja secara berlebihan
Bayar pembelian secara ansuran tanpa caj faedah	Perkhidmatan BNPL mengenakan caj lewat bayar
Skor kredit yang minima atau tiada (bergantung kepada pengendali BNPL)	Kesan kepada skor kredit bagi lewat bayar. Sesetengah pengendali BNPL menghantar rekod lewat bayar kepada agensi skor kredit

Berdasarkan kesimpulan ini, dua (2) kelebihan BNPL yang menarik minat pengguna adalah kelulusan yang mudah serta skor kredit yang minima berbanding perkhidmatan kewangan lain seperti kad kredit dan pinjaman peribadi (GoCardLess, 2023).

Kajian-kajian yang mengkaji ciri-ciri perkhidmatan BNPL membandingkan perkhidmatan ini dengan kad kredit dan pinjaman peribadi (RateCity, 2023). Secara ringkasnya perbandingan tiga (3) perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

Perkara	BNPL	Kad Kredit	Pinjaman Peribadi
Kadar Faedah	Tiada	15% - 18% setahun	8% - 11% setahun
Caj kepada Peniaga	Caj berdasarkan transaksi	Caj berdasarkan transaksi	Tiada
Yuran Tahunan	Tiada	Ada	Tiada

<b>Caj Lewat Bayar</b>	Ada	Ada	Ada
<b>Transaksi</b>	Terhad di dalam <i>platform</i> yang menerima BNPL sahaja	Seluruh dunia	Untuk sebarang kegunaan kewangan
<b>Kemudahan Lulus</b>	15 - 20 minit	3 - 4 minggu	1 hari – 2 minggu
<b>Kelayakan</b>	Skor kredit yang minima atau tiada	Kelayakan ketat dan bergantung kepada skor kredit pengguna	Kelayakan ketat dan bergantung kepada skor kredit pengguna

E-wallet pula adalah dompet elektronik yang menyimpan duit eletronik yang mana dompet ini boleh digunakan melalui telefon pintar atau selainnya dan berfungsi untuk tujuan tambah nilai, pembayaran, pemindahan dana dan lain-lain (Touch N Go, 2021). Menurut panduan yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia (BNM), pengendali e-wallet terdiri daripada institusi perbankan atau institusi bukan perbankan. Dan sehingga hari ini terdapat lebih 50 pengendali e-wallet dari institusi perbankan ataupun institusi bukan perbankan (BNM, n.d.). Contoh pengendali e-wallet dari institusi perbankan seperti Maybank MAE dan MBSB Bank E-Wallet. Manakala pengendali e-wallet dalam kalangan institusi bukan perbankan seperti Touch and Go E-Wallet dan GrabPay E-Wallet.

Sebagaimana perkhidmatan kewangan lain, perkhidmatan e-wallet juga menawarkan beberapa kelebihan dan kekurangan yang perlu diambil tahu oleh pengguna seperti berikut:

<b>Kelebihan</b>	<b>Kekurangan</b>
Merekod setiap perbelanjaan	Penggunaan terhad kepada peniaga yang menerima e-wallet sahaja
Lebih pantas dan mudah berbanding tunai	Kemungkinan untuk perbelanjaan berlebihan
Ganjaran terhadap perbelanjaan	Risiko kecurian maklumat dan isu-isu keselamatan maklumat lain

Perkhidmatan e-wallet membolehkan pengguna merekod setiap perbelanjaan yang dilakukan. Hal ini akan membolehkan pengguna mengawal aliran tunainya. Perkhidmatan ini juga membolehkan pengguna melakukan pembayaran yang lebih mudah dan pantas menggunakan telefon pintar tanpa perlu membawa dompet fizikal dan secara tidak langsung mengelakkan risiko seperti kecurian dan lain-lain. Namun disebalik kelebihan-kelebihan ini, beberapa kajian mendapati penggunaan e-wallet masih lagi dibataskan oleh penerimaan e-wallet yang masih terhad oleh segelintir peniaga khususnya dikawasan luar bandar (Abdullah et al, 2020). Selain itu juga perkhidmatan ini terdedah kepada kecurian maklumat dalam talian yang boleh menjejaskan keselamatan data kewangan dan maklumat peribadi pengguna (FinanceMagnates, 2023).

Perkhidmatan e-wallet boleh dibandingkan dengan beberapa perkhidmatan lain seperti akaun simpanan kerana ciri-ciri yang serupa dimiliki kedua perkhidmatan ini. Matlamat akhir bagi pembayaran menggunakan e-wallet dan akaun simpanan adalah pengguna akan menerima barang

yang dibayar menggunakan dana sendiri (Park National Bank, n.d.). Secara ringkasnya perbandingan e-wallet dan akaun simpanan adalah seperti jadual berikut:

Perkara	E-Wallet	Akaun Simpanan
Dana	Dana pengguna	Dana pengguna
Pihak bertransaksi	Pengendali e-wallet, pengguna dan peniaga	Pihak bank, pengguna dan peniaga
Ganjaran	Diberikan berdasarkan transaksi atau kempen tertentu	Diberikan berdasarkan transaksi atau kempen tertentu
Transaksi	Terhad dengan peniaga yang berdaftar bawah <i>platform</i> e-wallet sahaja	Terhad dengan peniaga yang memiliki sistem <i>point of sale</i> (POS)
Yuran	Tahunan	Tahunan, pengeluaran tunai

### Isu-Isu Syariah berkaitan BNPL dan E-Wallet

Membahaskan aplikasi dan perkhidmatan kewangan terkini berlandaskan sudut pandang Syariah merupakan satu usaha yang sangat penting dilakukan oleh para mujtahid (mereka yang berkelayakan berijtihad). Al-Ghazali (2011) menerangkan satu kaedah fiqh berkaitan hal ini:

الفتوى تدور مع المصلحة حيث دارت

*Fatwa itu beriringan dengan masalah dalam setiap keadaan.*

Berdasarkan penerangan di atas, fatwa atau keputusan Syariah yang diberikan oleh seorang mufti atau mujtahid hendaklah sinergi dengan *masalah* bagi pihak yang bertanya atau dalam konteks perbincangan ini berdasarkan *hajah* industri kewangan dan *masalah* pengguna. Hal ini dilihat dapat dicapai dengan memahami konteks perkhidmatan kewangan yang ingin dibincangkan sebelum memberikan panduan hukum yang sesuai.

Menurut Ibn Bayyah (2018) perbincangan perkhidmatan kewangan terkini berlandaskan sudut pandang Syariah perlu dilakukan demi memastikan setiap perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada pengguna berlandaskan hukum Syarak dan bersesuaian dengan *Maqasid al-Syariah* (tujuan tertinggi Syariah). Al-Usmani (2014) menjelaskan bahawa memastikan setiap perkhidmatan kewangan berlandaskan panduan Syariah bukan sahaja mengelakkan umat Islam terhindar dari perkara-perkara diharamkan Syariah seperti *riba*, *gharar*, dan lain-lain, malah memastikan setiap perbincangan hukum hakam selari dengan isu-isu semasa yang terjadi dalam masyarakat.

Perbincangan mengenai isu-isu kewangan terkini dengan berpandukan *takyif fiqhī* (akad Syariah yang bersesuaian) serta memahami konteks perkhidmatan atau produk kewangan dengan tepat merupakan satu tuntutan Syariah. Ini bersesuaian dengan kaedah fiqh yang disebutkan seorang ulama bermazhab hanbali:

الشيء لا يعرف إلا ببيان حقيقته

*Sesuatu itu tidak diketahui kecuali dengan menjelaskan hakikat perkara tersebut (Ibn Qassim, 1977).*

Ibn Qassim (1977) menjelaskan bahawa penting untuk memahami hakikat sesuatu perkara, sebelum seorang faqih atau mutjtahid menjelaskan hukum perkara tersebut menurut perspektif Syariah.

**Isu-Isu Syariah berkaitan BNPL**

Perkhidmatan BNPL dilihat sebagai satu perkhidmatan baru yang ditawarkan kepada masyarakat. Antara isu-isu Syariah yang penting dibahaskan bagi BNPL adalah seperti berikut:

- a) Akad Syariah yang bersesuaian.
- b) Memastikan kadar caj lewat bayar berdasarkan kos sebenar.
- c) Perkhidmatan BNPL untuk pembelian emas.
- d) Pemantauan terhadap peniaga tidak patuh Syariah.
- e) Caj kepada peniaga.
- f) Tiada kawalan perbelanjaan.

**a) Akad Syariah BNPL**

Melihat kepada ciri BNPL sebagai pembiayaan jangka pendek yang membolehkan pengguna mendapatkan barang yang diinginkan dengan membayar pembelian barang tersebut secara ansuran (PWC, 2023), maka timbul persoalan tentang akad Syariah yang sesuai bagi perkhidmatan ini. Antara akad yang dilihat sesuai adalah seperti berikut:

- a) *Tawarruq*,
- b) *Murabahah*;
- c) *Qard*.

Akad	Penjelasan
<i>Tawarruq</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengendali BNPL melakukan pembelian komoditi daripada broker A berdasarkan nilai had kredit yang diberikan kepada pengguna dan kemudiannya menjual komoditi tersebut secara <i>murabahah</i> pada harga jualan (kos + keuntungan) kepada pengguna. Jumlah keuntungan adalah bersamaan dengan caj lewat bayar.</li> <li>2. Pengguna menjual komoditi kepada broker B melalui pengendali BNPL yang dilantik sebagai <i>wakil</i> pada harga kos; bersamaan dengan nilai had kredit.</li> <li>3. Pengguna menggunakan jumlah hasil dari jualan komoditi untuk membeli barang tertentu dan bayar kepada peniaga.</li> <li>4. Pengguna kemudiannya akan membayar harga jualan <i>murabahah</i> kepada pengendali BNPL secara beransuran mengikut tempoh yang dipersetujui. Keuntungan akan dibayar jika berlaku lewat bayar oleh pengguna dan pengendali BNPL akan memansuhkan keuntungan tersebut jika lewat bayar tidak berlaku.</li> </ol>

<i>Murabahah</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengguna melakukan pesanan kepada pengendali BNPL untuk membeli barang tertentu.</li> <li>2. Pengendali BNPL membeli barang yang dipersetujui dan membayar harga belian kepada peniaga.</li> <li>3. Pengendali BNPL menjual barang tersebut secara <i>murabahah</i> (harga beli + keuntungan) kepada pengguna. Jumlah keuntungan adalah bersamaan dengan caj lewat bayar.</li> <li>4. Pengguna membayar harga jualan <i>murabahah</i> kepada pengendali BNPL secara ansuran mengikut tempoh yang dipersetujui. Keuntungan akan dibayar jika berlaku lewat bayar oleh pengguna dan pengendali BNPL akan memansuhkan keuntungan tersebut, jika lewat bayar tidak berlaku.</li> </ol>
<i>Qard</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengguna ditawarkan perkhidmatan BNPL oleh pengendali BNPL dengan had kredit tertentu.</li> <li>2. Pengguna melakukan pembelian and pengendali BNPL memberikan <i>qard</i> kepada pengguna bersamaan dengan jumlah harga belian. Pengendali BNPL akan membayar jumlah tersebut terus kepada peniaga bagi pihak pengguna.</li> <li>3. Pengguna membayar <i>qard</i> secara ansuran kepada pengendali BNPL.</li> <li>4. Pengguna akan dikenakan caj lewat bayar sekiranya berlaku kelewatan pembayaran ansuran kepada pengendali BNPL.</li> </ol>

**b) Memastikan Kadar Caj Lewat Bayar berdasarkan Kos Sebenar**

Berdasarkan survey atas talian yang dilakukan penulis terhadap beberapa pengendali BNPL, penulis mendapati setiap pengendali BNPL mengenakan kadar caj lewat bayar yang berbeza. Kadar caj lewat bayar tersebut dijelaskan seperti jadual berikut:

Pengendali BNPL	Kadar Caj Lewat Bayar
<b>Pengendali A</b>	RM30 bagi setiap pembayaran lewat (maksimum RM60 bagi setiap pembelian)
<b>Pengendali B</b>	1.5% dari jumlah tunggakan bagi setiap pembayaran lewat
<b>Pengendali C</b>	Maksimum RM30 untuk setiap pembelian (hanya untuk kaedah pembayaran ansuran sahaja)
<b>Pengendali D</b>	RM7.50 sehingga RM75 bagi setiap pembayaran lewat
<b>Pengendali E</b>	RM10 bagi setiap 7 hari tanpa pembayaran

Timbul persoalan adakah kadar caj lewat bayar ini adalah berdasarkan kos sebenar yang ditanggung pengendali BNPL. Isu ini adalah khusus kepada pengendali BNPL patuh Syariah yang berasaskan *qard*. Konsep *ta'widh* (pampasan) dan *gharamah* (denda) yang diterima pakai di institusi perbankan Islam



di Malaysia dinilai sebagai konsep Syariah yang sesuai bagi caj lewat bayar. Gabungan caj lewat bayar menggunakan konsep *ta'widh* dan *gharamah* dinilai harus oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dalam perbincangan pada 14<sup>th</sup> Februari 1998, 28<sup>th</sup> Januari 2010 dan 20<sup>th</sup> Mei 2010 (MPS BNM, 2010). *Ta'widh* yang dikenakan boleh dianggap sebagai pendapatan yang boleh dimanfaatkan oleh pengendali BNPL manakala *gharamah* pula hendaklah diagihkan kepada badan-badan kebajikan yang diluluskan penasihat Syariah BNPL tersebut.

Memastikan kadar caj lewat bayar dikenakan berdasarkan kos sebenar adalah penting bagi mengelakkan berlakunya penghasilan manfaat kepada pemiutang/pengendali BNPL. Jumlah selain daripada kos sebenar sekiranya diambil oleh pemiutang/pengendali BNPL adalah dikira sebagai manfaat yang tidak dibenarkan oleh Syarak berdasarkan hadith dibawah (Al-Baihaqi, 2003).

كل قرض جر منفعة فهو وجه من وجوه الربا

*Setiap pinjaman yang menghasilkan manfaat adalah salah satu bentuk riba.*

### c) Perkhidmatan BNPL untuk Pembelian Emas

Jika sekiranya perkhidmatan BNPL dilakukan untuk membeli emas, maka syarat-syarat utama perkara *ribawi* hendaklah dititikberatkan iaitu:

- a) berlakunya *taqabud* (penyerahan) antara kedua-dua item yang terlibat dalam transaksi sebelum kedua-dua pihak bertransaksi berpisah daripada majlis akad; dan
- b) jual beli emas hendaklah dijalankan secara lani dan tidak boleh berlaku sebarang penangguhan.

Dua syarat diatas juga disebutkan dalam *Ma'ayir Syar'iyah* AAOIFI bagi panduan berkenaan emas (AAOIFI, 2017). Dalam Parameter Pelaburan Emas JAKIM (2011), disebutkan bahawa:

*Pembayaran melalui kad kredit masih dianggap tunai kerana pihak penjual akan mendapatkan harga jualan secara penuh daripada pihak yang mengeluarkan kad kredit tersebut. Hutang yang berlaku, jika ada, adalah di antara pemegang kad dengan pengeluar kad dan bukannya dengan penjual barangan.*

*Status tunai ini masih lagi diterima secara urufnya oleh penjual walaupun pada hakikatnya pihak penjual akan menerima secara fizikal atau dimasukkan ke dalam akaunnya beberapa hari selepas transaksi berlaku.*

Berdasarkan parameter pelaburan emas melalui kad kredit ini, konsep yang sama digunakan perkhidmatan BNPL dimana pengendali BNPL akan membayar secara penuh harga jualan kepada penjual emas. Penangguhan (hutang) yang berlaku, adalah antara pengguna dengan pengendali BNPL dan bukan dengan penjual emas.

Bagi pembelian emas secara atas talian, pengendali BNPL atau penjual boleh dilantik sebagai *wakil* pengguna untuk menerima serahan di dalam majlis akad iaitu selagi mana pengguna dan penjual masih belum log keluar daripada transaksi atas talian. Ini bagi mengelakkan berlakunya penangguhan serahan emas yang dibeli. Parameter yang ketat perlu ada bagi memastikan emas tersebut wujud sebelum transaksi atas talian boleh dilaksanakan dan boleh dibuktikan kepada pengguna.

#### d) Pemantauan terhadap Peniaga tidak Patuh Syariah

Adakah pengendali BNPL perlu memastikan hanya peniaga patuh Syariah sahaja diluluskan untuk berada bawah platform BNPL mereka? Dalam hal ini, melihat kepada konsep BNPL yang mana ianya adalah berasaskan kepada pembiayaan kewangan dan suntikan dana adalah secara langsung daripada pengendali BNPL, maka hendaklah dipastikan tiada sebarang transaksi dilakukan dengan peniaga tidak patuh Syariah. Ini bersesuaian dengan firman Allah taala:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾

*Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya) (al-Quran, 5:2).*

Proses pemantauan ini boleh dilaksanakan dengan cara menghalang akses kepada kod peniaga tidak patuh Syariah. Dengan ini pengguna akan terhalang daripada melakukan transaksi pembelian barangan tidak patuh Syariah. Bagi pengendali BNPL berasaskan *murabahah*, proses pemantauan ini menjadi lebih penting kerana peranan pengendali BNPL secara langsung sebagai pembeli bagi mengelakkan pengendali BNPL membeli dan memiliki barang tidak patuh Syariah. Berbeza dengan pengendali BNPL berasaskan *tawarruq* dan *qard* yang mana transaksi ke atas barangan tidak patuh Syariah adalah tidak dibenarkan disebabkan wujudnya unsur sokongan kepada urusan tidak patuh Syariah.

#### e) Caj kepada Peniaga

Pengendali BNPL akan mengenakan caj ke atas perkhidmatan BNPL yang ditawarkan kepada peniaga. Kadar caj yang dikenakan mungkin berbeza mengikut pengendali BNPL (Practical Ecommerce, 2020). Konsep Syariah yang dilihat sesuai bagi perkara ini adalah konsep *ujrah* yang diterima oleh majoriti mazhab (As-Syarbini, 2000). Ini berdasarkan sabda Nabi SAW bahawa:

من استأجر أجيرا فليسلم له أجرته

*Sesiapa yang mengupah seseorang untuk melakukan pekerjaan, hendaklah membayar upah tersebut (Al-Baihaqi, 2003).*

Dalam konteks BNPL, pengendali BNPL menyediakan perkhidmatan dengan menghubungkan pengguna dan peniaga yang mana ianya akan memberi kelebihan kepada peniaga untuk memasarkan barangan atau produk mereka. Caj kepada peniaga adalah berdasarkan kepada transaksi yang berjaya dilakukan.

#### f) Tiada Kawalan Perbelanjaan

Beberapa kajian menunjukkan perkhidmatan BNPL meningkatkan sikap berbelanja secara berlebihan. Perkembangan ini dilihat satu keadaan yang tidak sihat bagi pengurusan kewangan individu. Menurut Deloitte (2023) dalam satu kajian terhadap potensi perkhidmatan BNPL di Amerika Syarikat, dianggarkan sekitar 40% dari pengguna lewat dalam pembayaran ansuran mereka. Seramai

68% dari pengguna yang terlibat dalam kajian ini mengakui mereka berbelanja berlebihan dengan perkhidmatan BNPL (Deloitte, 2023). Faktor permohonan perkhidmatan BNPL yang mudah lulus tanpa penilaian skor kredit yang ketat tantara faktor yang menyumbang kepada fenomena ini (The New York Times, 2022).

Situasi ini dianggap satu situasi yang tidak sihat bukan sahaja kepada pengurusan kewangan individu tersebut, namun dilihat juga dari sudut moral atau etika pengurusan harta menurut Islam. Allah taala berfirman:

﴿يٰٓبَنِي آدَمَ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَشَرِبُوْا وَّلَا تُسْرِفُوْا اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ﴾

*Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas (Al-Quran, 7:31).*

Dalam hadis disebutkan bahawa:

لا تزول قدما عبد يوم القيامة حتى يسأل عن عمره فيما أفناه ، وعن علمه فيما فعل فيه، وعن ماله من أين اكتسبه، وفيما أنفقه،  
 وعن جسمه فيم أبلاه

*Tidak akan berganjak kedua kaki anak Adam pada hari kiamat disisi tuhanNya sehingga akan ditanya tentang umurnya dalam apa ia gunakan, tentang ilmunya dalam apa ia manfaatkan, tentang hartanya darimana ia peroleh dan dalam apa ia belanjakan, dan tentang tubuh badannya tentang apa ia gunakannya (Al-Tirmizi, 1997).*

Berdasarkan firman Allah taala dan sabda Nabi Muhammad SAW ini memberikan panduan kepada manusia untuk berbelanja secara cermat dan sentiasa memerhatikan urusan hariannya termasuk perbelanjaan kewangannya yang akan dihisab oleh Allah taala kelak.


### Isu-Isu Syariah berkaitan E-Wallet

Panduan yang dikeluarkan oleh MPS BNM pada 29<sup>th</sup> dan 30<sup>th</sup> Januari 2020 dilihat telah menyelesaikan beberapa isu-isu Syariah seperti *takyif fiqhī* yang sesuai bagi memastikan setiap pihak yang terlibat dalam perkhidmatan e-wallet iaitu antara pengendali e-wallet, pengguna dan peniaga mematuhi Syariah. Disertakan ringkasan panduan tersebut seperti jadual dibawah:

Perkara	Akad Syariah
Pengendali e-wallet dan pengguna	<p><i>Wakalah</i>                      Pengendali e-wallet: <i>wakil</i> dalam melakukan pembayaran bagi pihak pengguna kepada peniaga</p> <p>Pengguna: <i>muwakkil</i> yang mewakilkan pengendali e-wallet (bank/selain bank) dalam melakukan pembayaran kepada peniaga</p>
Pengendali e-wallet dan peniaga	<p><i>Ijarah al-Khadamat</i>:                      Pengendali mengenakan caj kepada peniaga ke atas khidmat atau kemudahan yang ditawarkan.</p> <p><i>Jualah</i>:</p>

	Pengendali mengenakan caj kepada peniaga ke atas khidmat atau kemudahan yang ditawarkan.
<b>Dana daripada pengguna kepada pengendali e-wallet</b>	<i>Qard:</i> Pengguna mendeposit dana ke dalam e-wallet berasaskan <i>qard</i> kepada pengendali e-wallet
<b>Akaun yang digunakan oleh pengendali e-wallet</b>	Pengendali e-wallet perlu memastikan <i>qard</i> yang diterima daripada pengguna diletakkan di dalam akaun patuh Syariah sahaja

Berdasarkan panduan ini, ilustrasi struktur produk e-wallet bagi tiga (3) pihak ini adalah seperti berikut:



Selain itu terdapat beberapa isu-isu berbangkit yang perlu diperhalusi seperti berikut:

- a) Pemantauan kepada peniaga tidak patuh Syariah.
- b) *Qard Jarra Naf'an* antara pengendali e-wallet dan pengguna.
- c) Akaun amanah patuh syariah dan pelaburannya.

#### a) Pemantauan kepada Peniaga tidak Patuh Syariah

Pengendali e-wallet patuh Syariah perlu memastikan transaksi e-wallet hanya boleh dilakukan dengan peniaga patuh Syariah sepertimana yang telah ditetapkan di dalam panduan yang dikeluarkan oleh MPS BNM pada 29<sup>th</sup> dan 30<sup>th</sup> Januari 2020. Terdapat sekurang-kurangnya (2) pendapat atau praktis oleh pengendali e-wallet dalam melaksanakan tuntutan ini:

1. Meletakkan klausa pemantauan di dalam terma dan syarat tanpa menghalang transaksi.
2. Meletakkan klausa pemantauan di dalam terma dan syarat dan menghalang transaksi.

## 1. Meletakkan klausa pemantauan di dalam terma dan syarat tanpa menghalang transaksi.

Pengendali e-wallet meletakkan klausa: “E-wallet ini hanya boleh digunakan dalam transaksi patuh Syariah sahaja” dan bertanggungjawab untuk memastikan transaksi hanya digunakan ke atas peniaga patuh Syariah adalah menjadi tanggungjawab pengguna. Praktis ini dianggap memadai kerana hujah-hujah berikut:

- i. Dana yang diletakkan dalam perkhidmatan e-wallet adalah dana pengguna.
- ii. Perkhidmatan e-wallet tidak berasaskan kepada pembiayaan dan tiada suntikan dana daripada pengendali e-wallet.
- iii. Walaupun wujud peranan pengendali e-wallet sebagai perantara atau *wakil* dalam melakukan pembayaran kepada pihak peniaga, akan tetapi pengendali e-wallet tidak menikmati sebarang keuntungan kerana tiada sebarang fi atau caj dikenakan kepada pengguna.
- iv. Pengendali e-wallet tidak terlibat di dalam transaksi jual beli tetapi hanya ditugaskan untuk membayar harga belian dengan cara membayar semula amaun *qard* kepada pengguna terus kepada peniaga.
- v. Konsisten dengan penggunaan debit kad akaun patuh Syariah yang mana tiada halangan dikenakan ke atas transaksi tidak patuh Syariah.

## 2. Meletakkan klausa pemantauan di dalam terma dan syarat dan menghalang transaksi.

Dalam hal ini, pengendali e-wallet sebagai *wakil* dalam perkhidmatan ini perlu memastikan hanya peniaga patuh Syariah sahaja dibenarkan berada dalam perkhidmatan e-wallet. Praktis ini dilihat dapat memelihara imej perkhidmatan e-wallet patuh Syariah yang dibawa pengendali tersebut.

Praktis ini mengambil beberapa pandangan dalam Syariah seperti yang dinukilkan An-Nawawi (1991) bahawa:

ومنها: المعاصي، كالقتل، والسرقه، والغصب، والقذف، فلا مدخل للتوكيل فيها، بل أحكامها تثبت في حق مرتكبها لأن كل شخص بعينه مقصود بالامتناع منها.

*Perkara maksiat, membunuh, mencuri, mengambil secara paksa, qazaf, tidak termasuk dalam perkara yang boleh diwakilkan, bahkan hukum hakam perkara ini tetap (haram) ke atas pelakunya, kerana setiap individu jelas dilarang melakukan perbuatan tersebut.*

Dalam penjelasan yang lain, al-Zuhaili (2011) menerangkan syarat penerimaan *al-muwakkal bih* (perkara yang diwakalahkan) seperti berikut:

ولا تجوز الوكالة في المحرمات كالقتل، والغصب، والسرقه...

*Dan tidak sah wakalah terhadap perkara-perkara yang diharamkan seperti membunuh, mengambil secara paksa, mencuri...*

Berdasarkan pandangan-pandangan ini, *al-muwakkal bih* dalam hal ini adalah pembayaran kepada pihak peniaga. Dimana pengendali e-wallet sebagai *wakil* melakukan pembayaran bagi pihak pengguna kepada peniaga. Dan jika sekiranya pembayaran itu dilakukan kepada peniaga yang tidak

patuh Syariah, hal tersebut boleh dianggap sebagai *wasilah* (perantara) kepada perbuatan tidak patuh Syariah. Justeru, pengendali e-wallet hendaklah memastikan dan menyemak status perniagaan peniaga supaya hanya peniaga patuh Syariah sahaja diluluskan dalam perkhidmatan e-wallet.

#### **b) Qard Jarra Naf'an antara Pengendali E-Wallet dan Pengguna**

Pengendali e-wallet boleh memberikan pelbagai ganjaran kepada pengguna seperti mata ganjaran, voucher, pulangan wang, promosi dan hadiah-hadiah tertentu. Tujuan ganjaran ini diberikan adalah untuk menggalakkan pengguna menggunakan perkhidmatan e-wallet (e-wallet, n.d.). Justeru sekiranya dipastikan bahawa ganjaran ini tidak berkait dengan jumlah *qard* yang dimasukkan pengguna dalam perkhidmatan e-wallet, maka isu *qard jarra naf'an* (pertambahan terhadap jumlah hutang yang diharamkan Syariah) tidak timbul kerana ganjaran ini diberikan berdasarkan perbelanjaan pengguna atau penggunaan e-wallet. Tetapi sekiranya ganjaran tersebut ditawarkan untuk menggalakkan pengguna menambah nilai *qard* di dalam e-wallet, maka ia adalah termasuk di dalam isu *qard jarra naf'an* yang diharamkan Syariah.

Namun demikian, melihat kepada jumlah pengendali e-wallet dalam pasaran Malaysia sendiri, terdapat kesukaran dalam memastikan sejauh mana isu riba ini tidak timbul. Ini kerana setiap pengendali pasti memiliki kaedah tersendiri dalam memberikan pelbagai ganjaran kepada pengguna. Dalam hal ini, adalah disarankan bagi pengendali yang ingin menawarkan e-wallet patuh Syariah supaya melantik panel Syariah yang menyelia kesemua transaksi dan perkhidmatan yang ditawarkan supaya berlandaskan Syariah. Hal ini diharap dapat memberikan keyakinan kepada pengguna supaya mereka tahu perkhidmatan e-wallet berkenaan tidak bercanggah dengan hukum Syarak.

#### **c) Akaun Amanah Patuh Syariah dan Pelaburannya**

Untuk pengendali e-wallet patuh Syariah, dana yang diterima daripada pengguna hendaklah diletakkan dalam akaun amanah patuh Syariah. Ini berdasarkan panduan daripada MPS BNM (2020) seperti berikut:

- a) *For Shariah compliant e-money, the SAC ruled that the approved issuer must place the funds received from the user in a Shariah compliant trust account/dedicated deposit account.*
- b) *Under the Guideline, the approved issuer is responsible to manage prudently the funds received from the user. The approved issuer is also allowed to invest the funds and subsequently utilises the return. This can be constructed as a loan (qard) from the user to the approved issuer.*

Pemerhatian secara atas talian yang dilakukan terhadap beberapa pengendali e-wallet mendapati tiada kejelasan terhadap akaun yang digunakan; sama ada akaun patuh Syariah atau tidak patuh Syariah. Sesetengah pengendali berpendapat, syarat ini adalah perlu jika sekiranya status patuh Syariah adalah untuk diterapkan ke atas pengendali e-wallet itu sendiri. Bagaimanapun syarat ini mungkin tidak diperlukan jika status patuh Syariah hanya ke atas produk e-wallet yang ditawarkan.

Bagaimanapun panduan di atas tidak mensyaratkan supaya pelaburan dana yang diterima daripada pengguna perlu dilaburkan dalam pelaburan patuh Syariah. Ia hanya mensyaratkan agar dana tersebut diuruskan dengan tataurus yang baik dan berhemah. Hal ini adalah kerana dana yang diterima oleh

pengendali e-wallet adalah dalam bentuk pinjaman dan bebas untuk diguna pakai oleh pengendali e-wallet.

## Kesimpulan dan Cadangan

Beberapa inti perbincangan dapat dirumuskan seperti berikut:

- a) Islam tidak menghalang sebarang bentuk kemajuan teknologi selagi mana kemajuan tersebut patuh Syariah, menyumbang *maslahah* (kebaikan) dan *taysir* (kemudahan) kepada urusan manusia serta *raf'u al-dharar* (mengelak kemudaratan) kepada pengguna.
- b) Beberapa isu Syariah yang telah dibincangkan secara ringkas adalah penting untuk dibahaskan secara lebih mendalam demi memastikan kedua-dua perkhidmatan, BNPL dan e-wallet, dapat ditawarkan berlandaskan hukum Syarak dan seterusnya memelihara *maslahah* semua pihak.
- c) Penyelesaian Syariah perlu bersifat proaktif dalam memberikan penyelesaian terhadap isu-isu Syariah sebelum sesuatu perkhidmatan atau produk itu berkembang dengan lebih pesat bagi mengelakkan pengguna terjerumus ke dalam transaksi tidak patuh Syariah.
- d) Perlunya garis panduan daripada pihak yang berotoriti. Ini dapat dilihat panduan yang dikeluarkan oleh MPS BNM telah menyelesaikan beberapa isu-isu Syariah penting khususnya akad Syariah yang mengawal hubungan antara pengendali e-wallet, pengguna, dan peniaga.

## Rujukan

- AAOIFI. (2017). *Al-Mā'ayīr al-Syar'iyyāh*. Manama.
- Abdullah, N., Redzuan, F., & Daud, N. (2020). E-Wallet: Factors Influencing User Acceptance Towards Cashless Society In Malaysia Among Public Universities. *Indonesian Journal of Electrical Engineering and Computer Science*, 20 (1), 67-74.
- Al-Baihaqi. (2003). *As-Sunan al-Kubrā*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Buhuti. (1983). *Kasyāf al-Qinā' an Matn al-Iqnā'*. Beirut: Alam al-Kutub.
- Al-Haitami. (1983). *Tuhfah al-Muhtāj fī Syarh al-Minhāj*. Kaherah: Maktabah Tijariyyah.
- Al-Ghazali. (2008). *Al-Mustasfā min ilmī al-Usūl*. Madinah: Sharikah al-Madinah al-Munawwarah li al-Tiba'ah.
- Al-Ghazali. (2011). *Ihya' Ulūm al-Din*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Manufi. (1987). *Kifāyah al-Tālib al-Rabbānī alā Risālah Ibn Abī Zāid al-Qāirawānī*. Kaherah: Maktabah al-Madani.
- Al-USmani. (2014). *Fiqh al-Buyū' alā al-Mazāhib al-Arba'ah*. Karachi: Maktabah Ma'arif al-Quran.
- Al-Qaradawi. (1995). *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlāk fī al-Iqtisād al-Islāmī*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi. (2009). *Al-Qawāid al-Hākimah li al-Fiqh al-Muāmalāt*. European Council for Fatwa and Research.
- Al-Tirmizi. (1997). *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Zuhaili. (2011). *Al-Muktamad fī al-Fiqh al-Syafi'i*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- An-Nawawi. (1991). *Raudah al-Tālibīn wa Umdah al-Muftīn*. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- As-Syarbini. (2000). *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- BNM. (2022). *Electronic Money Policy Document*. Kuala Lumpur. <https://www.bnm.gov.my/-/pd-emoney> (diakses pada 16<sup>th</sup> April 2023).
- BNM. (n.d.). *Nonbank E-Money Issuer*. [https://www.bnm.gov.my/regulations/fsp-directory?p\\_p\\_id=com\\_liferay\\_asset\\_publisher\\_web\\_portlet\\_AssetPublisherPortlet\\_INSTANCE\\_jXC730NRlqU0&p\\_p\\_lifecycle=0&p\\_p\\_state=normal&p\\_p\\_mode=view&p\\_r\\_p\\_tag=nonbank-emoney-issuer](https://www.bnm.gov.my/regulations/fsp-directory?p_p_id=com_liferay_asset_publisher_web_portlet_AssetPublisherPortlet_INSTANCE_jXC730NRlqU0&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_r_p_tag=nonbank-emoney-issuer) (diakses pada 29<sup>th</sup> April 2023).
- BNM. (2010). *Shariah Resolutions in Islamic Finance*. Kuala Lumpur.
- BNM. (2020). *The Shariah Advisory Council of BNM (SAC) Ruling on E-Money as a Shariah Compliant Payment Instrument*. Kuala Lumpur.
- E-Wallet. (n.d.). *How Do E-Wallet Rewards Work in Malaysia*. <https://ewallet.com/blog/post/how-do-ewallet-rewards-work-in-malaysia> (diakses pada 1<sup>st</sup> Mei 2023).



- Forbes. (2023). *What is Buy Now Pay Later?*. <https://www.forbes.com/advisor/credit-cards/buy-now-pay-later/> (diakses pada 25<sup>th</sup> Mei 2023).
- FinanceMagnates. (2023). *Leaving Your Wallet Behind: Pros and Cons of Digital Wallets*. <https://www.financemagnates.com/cryptocurrency/education-centre/leaving-your-wallet-behind-pros-and-cons-of-digital-wallets/> (diakses pada 29<sup>th</sup> April 2023).
- GoCardless. (2023). *The Benefits of Buy Now Pay Later*. <https://gocardless.com/en-us/guides/posts/benefits-of-buy-now-pay-later/> (diakses pada 30<sup>th</sup> April 2023).
- Ibn Abidin. (2003). *Rad al-Muhtār alā al-Dar al-Mukhtār*. Beirut: Alam al-Kutub.
- Ibn Bayyah. (2020). *Mustaqbal al-Tamwīl al-Islāmī*. Dubai: Expo 2020.
- Ibn Bayyah. (2018). *Masyāhid min al-Maqāsīd*. Dubai: Markaz Muwata'.
- Ibn Qassim. (1977). *Hāsyiah al-Raudh al-Murbi' Syarh Zād al-Mustaqni'*. Tanpa disertakan syarikat cetakan.
- IMARC. (2022). *Mobile Wallet Market: Global Industry Trends, Share, Size, Growth, Opportunity and Forecast 2023-2028*. <https://www.imarcgroup.com/mobile-wallet-market> (diakses pada 22<sup>nd</sup> April 2023).
- Investopedia. (2023). *Which Major Retailers Accept Buy Now Pay Later?*. <https://www.investopedia.com/major-retailers-that-accept-buy-now-pay-later-5187164> (diakses pada 29<sup>th</sup> April 2023).
- IQI. (2022). *Buy Now Pay Later, Top 5 PayLater in Malaysia*. <https://www.iqiglobal.com/blog/buy-now-paylater-top-5-paylater-in-malaysia/> (diakses pada 28<sup>th</sup> April 2023).
- Izzuddin Abd Salam. (1991). *Qawāid al-Ahkām fi Masālih al-Anām*. Kaherah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyyah.
- JAKIM. (2011). *Parameter Pelaburan Emas*. Putrajaya.
- Klarna. (2017). *Klarna and Nets Introduce New "Pay Later" Payment Solution for Physical Stores*. <https://www.klarna.com/international/press/klarna-and-nets-introduces-new-pay-later-payment-solution-for-physical-stores/> (diakses pada 1<sup>st</sup> Mei 2023).
- Ley. (2023). *Buy Now Pay Later and Forever*. <https://www.emirresearch.com/buy-now-pay-later-and-forever/> (diakses pada 20<sup>th</sup> April 2023).
- Oppetus. (2020). *E-Wallet Usage in Malaysia 2020: Thriving in Lockdown*. <https://www.opotus.com/e-wallet-usage-in-malaysia-2020/> (diakses pada 15<sup>th</sup> April 2023).
- Park National Bank. (n.d.). *Debit Card or Mobile Wallet? What You Value Determine Your Preference*. <https://parknationalbank.com/debit-card-or-mobile-wallet-what-you-value-determines-your-preference/> (diakses pada 1<sup>st</sup> Mei 2023).
- PracticalEcommerce. (2020). *What Merchants Should Know About Buy Now Pay Later*. <https://www.practicalecommerce.com/what-merchants-should-know-about-buy-now-pay-later> (diakses pada 15<sup>th</sup> April 2023).
- PWC. (2023). *Buy Now Pay Later*. <https://www.pwc.com/m1/en/media-centre/articles/fintech-series-buy-now-pay-later.html> (diakses pada 29<sup>th</sup> April 2023).
- RateCity. (2023). *Buy Now Pay Later vs Personal Loan*. <https://www.ratecity.com.au/bnpl/articles/buy-pay-later-vs-personal-loan> (diakses 30<sup>th</sup> April 2023).

Research and Markets. (2023). *Buy Now Pay Later Global Market Report 2023*.  
[https://www.researchandmarkets.com/reports/5767643/buy-now-pay-later-global-market-report?utm\\_source=GNE&utm\\_medium=PressRelease&utm\\_code=575t7t&utm\\_campaign=1842537+-](https://www.researchandmarkets.com/reports/5767643/buy-now-pay-later-global-market-report?utm_source=GNE&utm_medium=PressRelease&utm_code=575t7t&utm_campaign=1842537+-)

[+Buy+Now+Pay+Later+Global+Market+Report+2023%3a+Increasing+Adoption+of+Online+Payment+Methods+Drives+BNPL+Popularity&utm\\_exec=como322prd](https://www.researchandmarkets.com/reports/5767643/buy-now-pay-later-global-market-report?utm_source=GNE&utm_medium=PressRelease&utm_code=575t7t&utm_campaign=1842537+-) (diakses pada 17<sup>th</sup> April 2023).

Research and Markets. (2023). *Malaysia Buy Now Pay Later Market Report 2023*.  
[https://www.researchandmarkets.com/reports/5305023/malaysia-buy-now-pay-later-business-and?utm\\_source=GN&utm\\_medium=PressRelease&utm\\_code=s665bt&utm\\_campaign=1828135+-+Malaysia+Buy+Now+Pay+Later+Market+Report+2023%3a+BNPL+Payments+are+Expected+to+Grow+by+23.6%25+to+Reach+%242%2c298.6+Million+in+2023+-+Forecasts+to+2028&utm\\_exec=chdo54prd](https://www.researchandmarkets.com/reports/5305023/malaysia-buy-now-pay-later-business-and?utm_source=GN&utm_medium=PressRelease&utm_code=s665bt&utm_campaign=1828135+-+Malaysia+Buy+Now+Pay+Later+Market+Report+2023%3a+BNPL+Payments+are+Expected+to+Grow+by+23.6%25+to+Reach+%242%2c298.6+Million+in+2023+-+Forecasts+to+2028&utm_exec=chdo54prd)

(diakses pada 17<sup>th</sup> April 2023).

Tan. (2021). *How Localised Buy Now Pay Later Has the Ability to Revitalise Malaysia's Recovering Economy*.

The New York Times. (2022). *The Downsides of Using Buy Now Pay Later*.  
<https://www.nytimes.com/2022/12/29/your-money/buy-now-pay-later-loans.html> (diakses pada 1<sup>st</sup> Mei 2023).

Zip Pay. (N.D.) *About Us*. <https://zip.co/about-us> (diakses pada 15<sup>th</sup> April 2023).